



Aishah menunjukkan
koleksi kostum yang dipakai ahli pasukannya ketika membuat persembahan.

Bagai wanita Melayu terakhir

profil

→ Aishah terpikat lenggokan gemalai penari, kostum, lagu Melayu

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kecantikan gerakan dan gemalai tubuh yang dimiliki penari tradisional Melayu mencekutkan minat mendalam kepada Aishah Nurbalkhis Ramli, 22, untuk menceburkan diri secara aktif sebagai penari di universiti.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, elemen kesantunan dan keayuan dilengkapi alunan muzik klasik yang ditonjolkan seni kebudayaan terbabit membuat mereka kelihatan indah pada mata penonton.

Katanya, kecintaannya itu membuatkan beliau menyertai Kelab Seni Tarian Adimastuli (Adimastuli) UPM sejak 2016 dan mengambil masa setahun untuk menguasai teknik tarian sepenuhnya di bawah tunjuk ajar jurutari profesional di UPM, Khairull Anhar Othman.

“Apabila wanita menari tarian tradisional, saya rasa mereka sangat lemah lembut ala wanita Melayu terakhir dengan lenggokan badan, kostum dan lagu dimainkan.

“Lagipun sebagai generasi muda, saya mahu memartabatkan dan mengekalkan warisan masyarakat Melayu supaya tidak pupus ditelan zaman,” katanya kepada BH



Aishah Nurbalkhis Ramli

Varsiti, baru-baru ini.

Aishah Nurbalkhis yang berkemahiran menarikan tarian zapin, inang dan joget itu berkata, pembabitan dalam seni itu memberi banyak manfaat kepada dirinya seperti fokus terhadap tanggungjawab, berdisiplin dan bijak membahagikan masa.

Pelajaran diutamakan

Manfaat lain diperoleh, katanya, mampu mengukuhkan semangat berpasukan, meningkatkan keyakinan ketika berdepan penonton dan kese-

ronakan apabila dapat menghiburkan mereka.

Status sebagai penari, katanya, turut memberi peluang kepada beliau menyertai persembahan dan pertandingan yang membolehkannya mengenali peserta dari universiti berbeza, sekali gus mempelajari latar belakang budaya serta tarikean bidang pengajian diikuti mereka.

Bagi memastikan tumpuan terhadap akademik tidak terjejas, katanya, setiap tugas diberikan pensyarah diselesaikan sebelum menghadiri latihan atau persembahan, malah beliau membawa nota ke mana-mana dan membaca jika ada masa terluang untuk mengulang kaji pelajaran.

Ditanya soal cabaran, Presiden Adimastuli UPM itu berkata, momen sukar pernah beliau lalui adalah tersilap langkah yang menyebabkan gerakannya tidak sering gerakan ahli lain, tetapi perkara itu adalah biasa dan harus diperbetulkan segera sebelum ketara pada mata penonton.

“Persepsi segelintir masyarakat bahawa penari adalah individu yang memfokuskan hiburan tanpa mengutamakan akademik turut menjadi cabaran sukar kepada kami.

“Namun tanggapan itu kami ambil dari aspek positif yang membuatkan kami ingat tujuan asal ke universiti adalah untuk menuntut ilmu, oleh itu, kami sentiasa berusaha memperoleh keputusan membanggakan,” katanya.